

PERUTUSAN PENGARAH URUSAN

Melaksanakan dengan
Tujuan,

Melabur dalam Masa Depan Malaysia

Pihak Berkepentingan yang Dihargai,

Tahun 2024 merupakan tahun yang penting bagi Khazanah memandangkan kami meraikan ulang tahun yang ke-30, berlatarbelakangkan ketidaktentuan ekonomi global, gangguan teknologi yang pesat dan perubahan landskap geopolitik. Mendepani pelbagai cabaran ini, kami meningkatkan tumpuan kepada masa hadapan dengan mendukung mandat untuk menghasilkan nilai jangka panjang untuk Malaysia melalui strategi pelaburan yang kukuh dan membangunkan negara dengan penuh azam dalam menghadapi detik yang getir dan membentuk hala tuju seterusnya.



PERUTUSAN PENGARAH URUSAN

Memainkan Peranan Kami dalam Membina Daya Tahan Negara

Ekonomi global pada tahun 2024 dibentuk oleh keadaan kewangan yang lebih ketat, kadar inflasi yang meningkat dan ketegangan geopolitik yang sedang berlaku. Berlatarkan keadaan ini, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.1% bagi tahun ini. Ia dipacu oleh penggunaan domestik yang stabil, pemulihan dalam pelancongan dan kekuatan berterusan dalam sektor eksport utama seperti elektrik dan elektronik (E & E). Inflasi menyederhana kepada 1.8%, memberikan sedikit kelegaan kepada isi rumah, manakala kenaikan nilai Ringgit berbanding dengan Dolar AS memberi isyarat tentang peningkatan keyakinan pelabur terhadap asas ekonomi negara.

Hasil ini mencerminkan gabungan asas domestik yang berdaya tahan dan kesan awal reformasi dasar yang bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan jangka panjang ekonomi. Bagi Khazanah, kestabilan makroekonomi ini memberikan persekitaran yang membina bagi portfolio domestik dan mengukuhkan tumpuan kami kepada meletakkan kedudukan pertumbuhan berorientasikan masa hadapan yang sejajar dengan keutamaan negara.

Melalui strategi Pelaburan Malaysia yang telah diperhalus berlandaskan rangka kerja 'Sebuah Negara Berdaya Cipta' (ANTC), kami meluaskan tumpuan merentas lima tonggak strategik — Mentransformasi Firma-firma, Peralihan Tenaga, Ketersambungan, Pendigitalan dan Pembangunan Komuniti — menerapkan tujuan yang lebih besar dalam cara bagaimana kami menempatkan modal, memacu transformasi dan mempertemukan rakan usaha sama di sektor awam dan swasta untuk menghasilkan nilai jangka panjang bagi negara dan komuniti.

Rangka kerja dasar negara seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) telah menyediakan titik rujukan strategik penting untuk pendekatan pelaburan Khazanah, terutamanya dalam mentransformasikan firma-firma, peralihan tenaga, ketersambungan dan pendigitalan. Sasaran kami adalah untuk meningkatkan kedua-dua siling dan lantai sejajar dengan rangka kerja Ekonomi MADANI dengan mengukuhkan daya saing dan inovasi negara di samping membina asas bagi pertumbuhan mampan jangka panjang.



PERUTUSAN PENGARAH URUSAN

Sama ada kami memangkinkan industri-industri baharu melalui Dana Impak; memodenkan sektor-sektor legasi melalui Malaysia Aviation Group (MAG), Malaysia Airports Holdings dan UEM Lestra; mahupun melengkapkan belia Malaysia dengan kemahiran agar bersedia untuk mendepani masa hadapan melalui Program Pembangunan Belia Khazanah (K-Youth), matlamat kami adalah sama, iaitu untuk memastikan Malaysia berkembang maju dalam dunia yang semakin kompleks dan dinamik.

 Baca selanjutnya mengenai pelbagai inisiatif kami dalam bidang-bidang ini pada muka surat 73-101 laporan ini.

Portfolio antarabangsa kami memainkan peranan penting dalam keseimbangan keadaan ini. Ia mendatangkan manfaat kepelbagaian dan juga bertindak sebagai penampan terhadap kemudahubahan ekonomi. Pada masa ketidaktentuan ekonomi, ia memberi kami daya tahan untuk menahan kejutan dan dalam tempoh pertumbuhan, membolehkan kami untuk mengambil bahagian semasa peningkatan ekonomi dengan lebih bermakna, memastikan kami mempunyai kapasiti untuk membiayai mandat dan menyokong keutamaan negara untuk jangka panjang.

Portfolio antarabangsa kami menghasilkan pulangan. Kerjasama kami dengan institusi global membuka laluan penting untuk pemindahan pengetahuan serta pembinaan kapasiti dan inovasi. Dengan membawa masuk kepakaran dan wawasan global, kami lebih berupaya untuk menyokong industri tempatan, mengukuhkan pembangunan bakat dan mempercepatkan peralihan Malaysia kepada sektor-sektor berorientasikan masa hadapan yang bernilai lebih tinggi.

Sejajar dengan landskap ESG yang berkembang, risiko iklim dan jangkaan yang meningkat, kami menjalankan penilaian kematangan (materiality) tambahan untuk memastikan kami menumpukan pada perkara-perkara yang paling penting. Dengan mengamalkan lensa kematangan berganda, kami mempertimbangkan bukan hanya risiko kewangan yang dikemukakan oleh pelbagai faktor ESG, tetapi juga impak meluas pelaburan kami terhadap alam sekitar, ekonomi dan masyarakat. Wawasan ini berfungsi sebagai input utama dalam Rangka Kerja Kemampanan tambahan pada tahun 2025 yang memperkukuh peranan kami sebagai pengawas nilai jangka panjang Malaysia.





PERUTUSAN PENGARAH URUSAN

Prestasi Kewangan yang Kukuh Berlandaskan Disiplin dan Tumpuan Strategik

Khazanah menghasilkan kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) tertinggi pada tahun 2024, mencapai sebanyak 24.6% — penanda aras kemajuan yang menggariskan kekuatan strategi dan pelaksanaan pelaburan kami. Prestasi luar biasa ini mencerminkan peruntukan modal berdisiplin, pengawasan jangka panjang dan ketangkasan kami dalam mengharungi persekitaran global yang kompleks.

Pada masa yang sama, pulangan nilai aset bersih (NAV) untuk kitaran enam tahun yang mencapai 6.2%, melebihi sasaran jangka panjang CPI + 3%. Prestasi konsisten ini mengesahkan semula keupayaan untuk menghasilkan nilai mampan di seluruh kitaran pasaran. Seiring dengan ini, kami mencatatkan keuntungan daripada operasi sebanyak RM5.1 bilion yang disokong oleh pendapatan dividen yang stabil, strategi pengewangan berdisiplin dan prestasi pasaran ekuiti yang positif. Nilai Aset Bersih (NAV) meningkat sebanyak RM18.8 bilion kepada RM103.6 bilion.

Pada peringkat domestik, pemulihan ekuiti awam Malaysia disokong oleh sentimen pelabur yang bertambah baik dan hala tuju dasar yang lebih jelas, menyumbang dengan ketara kepada Portfolio Pelaburan domestik yang sangat cemerlang. Pada masa yang sama, kami mengekalkan pendekatan berjaga-jaga dalam

pasaran swasta, terutamanya memandangkan tekanan penilaian yang sedang berlaku dalam pasaran antarabangsa seperti China. Ini mendorong penentukur semula penzahiran kami dan penumpuan semula strategi pelaburan swasta ke arah sektor-sektor yang berdaya tahan jangka panjang dan berdepan dengan masa hadapan, termasuk semikonduktor, kecerdasan buatan dan inovasi didorong oleh kemampanan.

Nilai Aset Boleh Direalisasi (RAV) berbanding nisbah hutang berada pada paras 3.2x, melebihi julat dalam kami sebanyak 3.0x hingga 4.0x, mengekalkan kedudukan penyataimbangan yang kukuh. Kami mengumumkan dividen sebanyak RM1.0 bilion kepada Kerajaan, menjadikan dividen terkumpul sejak tahun 2004 kepada RM19.1 bilion.

Tatkala kami memandang ke hadapan, kami terus mengukuhkan daya tahan portfolio di samping memastikan bahawa prestasi kewangan menyokong dwi-mandat Khazanah menjana pulangan mampan dan menghasilkan impak mangkin bagi transformasi jangka panjang Malaysia.



Baca selanjutnya mengenai prestasi kewangan kami di 23-26.



PERUTUSAN PENGARAH URUSAN

Memajukan Pembangunan Komuniti

Di Khazanah, kami percaya bahawa kemajuan bermula dengan pembangunan insan. Pada tahun 2024, program K-Youth melatih 8,222 anak muda Malaysia yang 76% daripadanya terdiri daripada komuniti B40, dengan lebih 80% memperoleh pekerjaan selepas menamatkan program ini. Selain itu, Yayasan Khazanah telah menganugerahkan pembiayaan 113 biasiswa, fellowship, residensi dan kursus pendek eksekutif manakala 42 Malaysia memupuk bakat teknologi generasi akan datang dengan pendaftaran hampir 400 pelajar.

Melalui Yayasan Hasanah, kami telah menjangkau lebih 814,000 orang menerusi 214 projek baharu, mengalu-alukan 147 rakan baharu dengan jumlah dana sebanyak RM213.5 juta. Kami juga terus melabur dalam pelbagai inisiatif penghasilan semula dan pembaharuan ruang awam melalui Think City. Institut Penyelidikan Khazanah menerbitkan 15 kertas dasar tentang isu-isu penting seperti perubahan iklim dan ketidaksamaan manakala Taman Tugu menerima lebih 334,737 pelawat pada tahun 2024 sebagai hab keterlibatan komuniti dan pemeliharaan alam sekitar.

Pelbagai usaha ini menegaskan kepercayaan kami bahawa kemakmuran jangka panjang seharusnya bersifat inklusif, pelbagai dimensi dan kolaboratif.



PERUTUSAN PENGARAH URUSAN

Prospek:

Mengekalkan Fokus dan Membolehkan Kemajuan

Prospek global kekal mencabar, dibentuk oleh perubahan dinamik geopolitik, hubungan perdagangan yang lebih berpecah belah dan ditentukur semula di seluruh ekonomi utama. Permintaan luaran dan aliran modal terus disesuaikan dengan tindak balas terhadap penjajaran semula global, termasuk penstrukturan semula rantaian bekalan, pencepatan perubahan teknologi dan strategi perindustrian yang berkembang.

Pasaran kewangan dijangka kekal mudah ubah, mencerminkan tahap mudah tunai yang lebih tinggi, kesanggupan mengambil risiko yang lebih hati-hati dan premium yang lebih besar terhadap asas jangka panjang. Dalam persekitaran ini, Khazanah terus melayari peralihan pasaran dan menumpukan portfolio terhadap daya tahan, nilai jangka panjang dan penjajaran dengan pelbagai peluang pertumbuhan berstruktur.

Di dalam negara, asas ekonomi Malaysia dijangka kekal stabil, disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh dan rangsangan secara berterusan dalam aktiviti pelaburan. Di saat landskap global menjadi bertambah kompleks, keutamaan adalah untuk memastikan bahawa pertumbuhan diterjemah kepada hasil domestik yang bermakna dengan mengukuhkan daya saing,

mencipta pekerjaan yang berkualiti dan meletakkan asas yang lebih kukuh bagi daya tahan jangka panjang.

Tumpuan kami kekal kepada mengukuhkan daya saing negara, terutamanya dalam industri-industri berorientasikan masa hadapan seperti semikonduktor, perkhidmatan digital, pembuatan boleh diperbaharui dan termaju. Usaha-usaha kami sejajar dengan Rangka Kerja Ekonomi Madani, NIMP 2030, NETR, Strategi Semikonduktor Negara and Program GEAR-UP — rangka kerja yang merancang transformasi jangka panjang Malaysia.

Khazanah memastikan bahawa pelaburannya menyokong misi memajukan Malaysia yang meluas di samping melindungi kepentingan ekonomi negara. Kami berharap akan dapat bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan kerajaan, industri, pelabur, masyarakat madani dan rakyat ketika kami meneruskan misi kami untuk Memajukan Malaysia. Peranan kami bukan sahaja untuk memimpin setiap inisiatif, tetapi juga untuk memperkasakan mereka yang mencipta impak berpanjangan. Kami melangkah ke hadapan dengan rendah hati, keyakinan dan berpegang pada tujuan yang sama.